



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.gaexcellence.com/ijmoe



HIWAR REFLEKTIF DALAM PENGAJARAN INTERAKTIF PENDIDIKAN ISLAM: ANALISIS SOROTAN LITERATUR

REFLECTIVE DIALOGUE IN INTERACTIVE ISLAMIC EDUCATION TEACHING: A LITERATURE REVIEW

Nur Afifah Saharudin¹, Ahmad Firdaus Mohd Noor^{2*}, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin³, Mohd Nasir Ayub⁴, Wan Norina Wan Hamat⁵

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak, Malaysia.

 nurafifahbintisaharudin@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0006-0075-1957>

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak, Malaysia.

 firdausnoor@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-2308-6869>

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak, Malaysia.

 mohdz560@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-7807-2811>

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang, Malaysia

 mnasir251@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-5730-0974>

^{1&5}Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar, Perak, Malaysia

 wnorina@polycc.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0008-7865-7586>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 16.07.2026

Revised date: 30.07.2026

Accepted date: 12.08.2026

Published date: 20.09.2026

Abstrak:

Perkembangan pedagogi dalam pendidikan tinggi menitikberatkan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersifat interaktif bagi meningkatkan penglibatan pelajar. Isu peningkatan interaksi bilik kuliah masih berorientasikan penglibatan yang bersifat penyertaan samada interaksi bersemuka mahupun persekitaran hibrid. Namun demikian, perbincangan tentang pedagogi masih tertumpu kepada aspek strategi pengajaran, penggunaan teknologi dan aktiviti kolaboratif tanpa meneliti kualiti dialog, proses refleksi dan penerapan nilai yang membentuk pembelajaran bermakna. Artikel ini bertujuan menghuraikan konsep *hiwar* reflektif sebagai asas pembentukan interaksi bermakna dalam amalan PdP interaktif Pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan sorotan literatur secara naratif bagi meneliti perbincangan tradisi *hiwar* (dialog) dalam Pendidikan Islam, pembelajaran reflektif, pedagogi dialogik dan

To cite this document:

Saharudin, N. A., Noor, A. F. M., Abidin, M. Z. H. Z., Ayub, M. N., & Hamat, W. N. W. (2026). *Hiwar Reflektif Dalam Pengajaran Interaktif Pendidikan Islam: Analisis Sorotan Literatur. International Journal of Modern Education*, 8(31), 860-873.

proses pembelajaran pedagogi bertahap serta pembinaan adab dalam pendidikan. Hasil analisis literatur menunjukkan bahawa *hiwar* reflektif dapat difahami sebagai proses dialog pedagogi yang merangkumi tiga dimensi utama iaitu dialogik, refleksi dan nilai. Malah, pembinaan makna pembelajaran diterjemahkan melalui empat komponen konseptual, iaitu *hiwar* reflektif, refleksi pedagogi, interaksi bermakna serta pembentukan adab dan makna pembelajaran. Oleh itu, impak *hiwar* reflektif dicadangkan kerangka yang berpotensi memperkuat kualiti interaksi pedagogi dan PdP yang dinamik bersama elemen berasaskan hikmah, muhasabah dan maklumbalas reflektif.

DOI: 10.35631/IJMOE.831050

Kata Kunci:

Hiwar Reflektif; Interaksi Bermakna; Pengajaran Interaktif; Pendidikan Islam; Pedagogi Dialogik

Abstract:

The development of pedagogy in higher education has increasingly emphasized interactive teaching and learning to enhance students' engagement. Efforts to enhance classroom interaction continue to prioritize participatory engagement in both face-to-face and hybrid settings, while insufficient attention is paid to the quality of dialogue, reflective processes, and the integration of values. This study explicates the concept of reflective *hiwar* as a foundation for meaningful interaction in Islamic Education teaching and learning. Using a narrative literature review, it examines the *hiwar* tradition which consists of reflective learning, dialogik pedagogy, staged pedagogical processes, and the cultivation of adab. Analysis identifies reflective *hiwar* as a pedagogical dialogue process comprising three dimensions: dialogik, reflective, and value-oriented; and conceptualizes meaningful learning through four interrelated components reflective *hiwar*, pedagogical reflection, meaningful interaction, and adab formation. A reflective-*hiwar* framework is proposed to enhance pedagogical interaction by integrating hikmah, muhasabah, and reflective feedback.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Dialogik Pedagogy, Interactive Teaching and Learning; Islamic Education, Meaningful Interaction; Reflective *Hiwar*.

Pengenalan

Transformasi pedagogi dalam pendidikan tinggi cenderung ke arah perubahan daripada pendekatan berpusatkan pensyarah kepada pembelajaran yang lebih interaktif dan dinamik. Malah, pendekatan berorientasikan penglibatan pelajar yang melibatkan aktiviti bersifat kolaboratif, perbincangan dalam kumpulan dan penggunaan teknologi digital semakin berkembang dalam konteks pembelajaran abad ke 21. Pendekatan ini selari dengan keperluan semasa yang menuntut pelajar bukan hanya penerima maklumat tetapi turut terlibat secara aktif

dalam proses pembinaan pengetahuan dan kefahaman (Kahu & Nelson, 2018; De Bruijn-Smolters & Prinsen, 2024). Namun, demikian, perkembangan amalan PdP interaktif tidak menjamin pembentukan interaksi PdP yang memberi kesan terhadap pembelajaran bermakna. Kajian pedagogi sering mengukur kekerapan aktiviti dan tahap penglibatan pelajar tanpa meneliti dimensi kualiti dialog dan proses pemaknaan ilmu yang kurang diberi perhatian (Gray, 2019; Woo & Reeves, 2007).

Oleh hal yang demikian, peningkatan penggunaan pendekatan interaktif tidak semestinya menjamin keberkesanan pembelajaran. Kajian menunjukkan bahawa interaksi yang berlaku dalam PdP sering berorientasikan teknikal dan aktiviti tanpa mendedahkan kepada pemikiran dan refleksi sendiri pelajar (Woo & Reeves, 2007; Khlaif et al., 2021). Isu kualiti dialog adalah signifikan kerana interaksi dalam pembelajaran bukan hanya komunikasi sehalu yang tanpa dimaknakan dengan perubahan khususnya pembentukan adab. Maka, persekitaran digital telah menunjuk bahawa aktiviti perbincangan dalam talian, respons ringkas atau penggunaan alat teknologi sering tidak mencapai tahap yang membina pemahaman dan kesedaran. Situasi ini menunjukkan bahawa isu utama dalam PdP bukan kekurangan interaksi tetapi kekurangan kualiti interaksi yang berupaya merangsang pemikiran, refleksi dan penghayatan pelajar terhadap pembelajaran.

Selain itu, isu ini menguatkan hubungan baik antara pendidik dan pelajar untuk menjadikan nilai interaksi lebih bermakna dengan memupuk rasa hormat. Sarjana Pendidikan Islam al-Zarnuji menekankan tentang hubungan guru dan pelajar dalam satu majlis ilmu perlu berasaskan adab, hormat ilmu serta dialog yang membimbing kefahaman pelajar secara berhikmah. Malah, interaksi dalam PdP telah lama diberi perhatian melalui pendekatan *hiwar*. *Hiwar* merujuk kepada dialog yang berlaku antara individu dengan tujuan membimbing pemikiran, menyampaikan kebenaran dan membentuk kefahaman yang mendalam (al-Nahlawi, 1989; Alwan & Izzati, 2024). Pendekatan ini berasaskan prinsip hikmah, kelembutan dan penghujahan yang baik sepertimana yang dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik serta berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik”

(Surah al-Nahl 16:125)

Ayat ini menunjukkan dialog dalam Pendidikan Islam bukan hanya alat komunikasi tetapi pendekatan pedagogi yang berorientasikan pembinaan makna dan nilai. Malah, pendekatan *hiwar* juga adalah amalan Rasulullah yang menggunakan dialog sebagai medium mendidik sahabat melalui pertanyaan, perbincangan dan bimbingan yang bersifat reflektif.

Walau bagaimanapun, perbincangan tentang *hiwar* dalam kajian masih cenderung bersifat deskriptif dan belum dipraktis secara jelas dalam konteks pedagogi kontemporari yang bersifat PdP interaktif. Kebanyakan kajian menekankan interaksi dan penglibatan pelajar ialah dari aspek kognitif dan tingkah laku tanpa menyepadukan dimensi reflektif dan nilai (Bond et al., 2020; Vuorenmaa et al., 2025). Jurang ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan meneliti semula konsep *hiwar* dalam kerangka yang relevan dengan keperluan PdP semasa.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk meneroka dan mensintesis konsep *hiwar* reflektif sebagai satu pendekatan pedagogi dalam amalan pengajaran interaktif Pendidikan Islam. *Hiwar* reflektif dalam konteks ini difahami sebagai dialog bukan sahaja melibatkan pertukaran idea tetapi mendorong refleksi sendiri, pembinaan kefahaman dan penghayatan nilai dalam

kalangan pelajar. Artikel ini dapat menyumbang kepada pembinaan satu kerangka konseptual yang holistik dalam memahami peranan interaksi dalam PdP Pendidikan Islam.

Objektif Kajian

- i. Menghuraikan konsep *hiwar* dalam Pendidikan Islam sebagai asas interaksi pedagogi.
- ii. Menganalisis *hiwar* reflektif sebagai konstruk pedagogi dalam pembentukan interaksi bermakna dalam PdP interaktif.
- iii. Mencadangkan kerangka konseptual *hiwar* reflektif bagi memperkukuh amalan PdP Pendidikan Islam.

Metodologi

Artikel ini merupakan kertas konsep yang menggunakan pendekatan tinjauan literatur secara naratif bagi menghuraikan dan mensistesis konsep *hiwar* reflektif sebagai asas interaksi pengajaran interaktif Pendidikan Islam. Sehubungan itu, pendekatan ini dipilih kerana artikel bertujuan disintesis dan ditafsir dengan pelbagai teori, konsep dan dapatan kajian berkaitan dengan *hiwar* dalam Pendidikan Islam, pembelajaran reflektif, pedagogi dialogik, interaksi bermakna dan pendidikan berasaskan nilai sekaligus membincang dan mencadangkan satu kerangka. Sorotan naratif ini sesuai digunakan untuk menyepadukan kajian lepas daripada pelbagai perspektif dan menghasilkan interpretasi yang boleh menjelaskan sesuatu fenomena dengan baik (Baumeister & Leary, 1997; Snyder, 2019).

Pencarian literatur adalah melalui pangkalan data *Scopus*, *Web Of Science* dan *Google Scholar* dengan menggunakan kata kunci *hiwar*, pedagogi reflektif, pengajaran interaktif, penglibatan pelajar dan Pendidikan Islam. Artikel dipilih berdasarkan kesesuaian tema dan kebolehpercayaan sumber dan kaitannya dengan objektif kajian. Pemilihan artikel dibuat secara bertujuan serta artikel diterbitkan dalam tempoh 2020 hingga 2026. Artikel yang dipilih dianalisis perbincangan untuk mengenalpasti tema dan hubungan antara dapatan kajian lepas. Penelitian difokuskan bagi mengenalpasti tema utama yang dibincangkan dalam membentuk *hiwar*, reflektif dan menghasilkan kerangka yang memandu interaksi bermakna dalam amalan PdP interaktif Pendidikan Islam.

Sorotan Literatur

Interaksi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Interaksi dalam PdP merupakan elemen asas dalam menentukan keberkesanan proses pembelajaran. Aktiviti yang terlibat dengan interaksi adalah dalam persekitaran pembelajaran berpusatkan pelajar yang menekankan penglibatan aktif dalam pembinaan pengetahuan. (Kahu & Nelson, 2018). Malah interaksi tidak dilihat sebagai komunikasi sehalu antara pensyarah dan pelajar tetapi sebagai proses dinamik yang melibatkan pertukaran idea, pengalaman dan makna dalam komuniti pembelajaran (Woo & Reeves, 2007).

Teori konstruktivisme sosial menunjukkan pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial yang membolehkan pelajar membina kefahaman secara kolaboratif melalui dialog dan perbincangan (Chen et al., 2023). Tambahan pula, interaksi yang berlaku dalam bentuk dialogik dan kolaboratif ini berfungsi sebagai medium untuk merangsang pemikiran kritis serta mengembangkan kefahaman pelajar dengan mendalam terhadap sesuatu konsep (Vuorenmaa

et al., 2025). Oleh itu, interaksi bukan sekadar sokongan kepada pembelajaran tetapi merupakan mekanisme utama dalam proses pembinaan ilmu.

Walau bagaimanapun kajian tentang konsep interaksi di hubungkait dengan istilah penglibatan pelajar yang merangkumi dimensi tingkah laku, kognitif dan emosi (Bond et al., 2020). Pendekatan ini menekankan keaktifan pelajar dalam aktiviti seperti perbincangan, tugas dan kolaborasi sebagai pencapaian keberkesanan PdP (Kahu & Nelson, 2018). Namun demikian, kajian menunjukkan bahawa penglibatan yang tinggi tidak semestinya membawa kepada kualiti pembelajaran jika tiada aktiviti yang melibatkan interaksi yang membentuk refleksi sendiri dan pemikiran mendalam (De Bruijn-Smolters & Prinsen, 2024).

Isu ini menjadi lebih ketara apabila interaksi yang berlaku hanya melalui penggunaan teknologi seperti platform forum dalam talian respons reaksi yang ringkas serta komunikasi berasaskan teks yang tidak menyokong dialog yang bermakna (Khlaif et al., 2021). Walaupun teknologi menyediakan pelbagai ruang untuk interaksi namun, keberkesanan pembelajaran masih bergantung kepada bagaimana interaksi tersebut direka bentuk dan dikendalikan oleh pensyarah (Martin et al., 2022). Hal ini menunjukkan bahawa kehadiran interaksi semata – mata tidak mencukupi untuk menjamin keberhasilan pembelajaran.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa setiap interaksi dalam pembelajaran kolaboratif memerlukan elemen regulasi bersama dan komunikasi berkualiti yang memastikan pembinaan makna berlaku secara efektif (Vuorenmaa et al., 2025). Maka, tanpa struktur interaksi yang jelas pelajar cenderung terlibat secara pasif atau sekada memenuhi keperluan tugas tanpa mencapai kefahaman yang sebaiknya (Chen et al., 2023). Oleh itu, kualiti interaksi menjadi faktor yang menentukan keberkesanan pembelajaran bukan hanya kekerapan interaksi.

Kostiainen & Pöysä-Tarhonen (2025) menegaskan bahawa interaksi yang berkesan harus melibatkan elemen dialogik, reflektif dan saling berhubung kait dengan pengalaman dan membina makna secara peribadi (Kostiainen & Pöysä-Tarhonen, 2025). Tambahan pula, interaksi yang bersifat reflektif ini berupaya mendorong pelajar untuk berfikir secara mendalam, menilai semula kefahaman dan mengembangkan pandangan baharu terhadap sesuatu isu. Justeru, interaksi yang berkualiti perlu lebih kompeten dari komunikasi asas dan membentuk kefahaman yang bermakna hasil dari aktiviti yang bersifat dialogik.

Berdasarkan daripada sorotan lepas menunjukkan bahawa interaksi adalah penting dan asas terhadap PdP, namun kebanyakan kajian masih menumpukan aspek penyertaan dan komunikasi tanpa menjelaskan bagaimana interaksi membentuk refleksi, makna dan nilai. Oleh itu, huraian terhadap dimensi interaksi yang lebih bermakna masih memerlukan penelitian yang menyeluruh. Walaupun pelbagai kajian telah menekankan kepentingan interaksi dalam PdP namun kebanyakannya masih memberi tumpuan terhadap aspek teknikal dan penglibatan pelajar dan huraian secara mendalam bagaimana interaksi dapat membentuk pemikiran reflektif dan kesedaran diri pelajar masih terhad (Bond et al., 2020; De Bruijn-Smolters & Prinsen, 2024).

Hiwar dalam Pendidikan Islam–

Konsep interaksi bermakna adalah daripada pendekatan dialogik yang dikenali sebagai *hiwar* pedagogi yang berpaksikan komunikasi dua hala berasaskan wahyu dan amalan Nabi S.A.W (Alwan & Izzati, 2024). Hal ini berbeza dengan pendekatan pedagogi konvensional yang

cenderung bersifat sehalu dan tidak memerlukan maklum balas. Selain itu, *hiwar* turut menekankan pembinaan makna melalui pertukaran idea, soal jawab dan refleksi yang selari dengan integrasi dimensi kognitif, emosi dan spiritual. Malah, pendekatan ini bukan hanya berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu tetapi menjadi instrumen pembentukan akhlak, pemikiran kritis dan kesedaran nilai bagi proses pembinaan makna dan insan secara holistik (Aswan et al., 2024). Namun demikian, pendidikan semasa yang terkesan dengan teknologi menjadikan pendekatan *hiwar* kurang dipraktik secara efisien berbanding kaedah penyampaian berpusatkan pensyarah.

Selain itu, *hiwar* bukan hanya komunikasi dua hala tetapi dilihat sebagai proses pedagogi yang membantu pelajar membina makna melalui dialog, soal jawab dan penghujahan. Al- Nahlawi (1989) menjelaskan *hiwar* ialah metod dalam Pendidikan Islam yang menggerakkan akal, emosi dan jiwa melalui pertanyaan, penghujahan dan meneliti kebenaran yang mendorong pelajar memahami ilmu secara sedar. Pendekatan ini selati dengan pedagogi dialogik yang menekankan pembinaan makna secara kolaboratif (*co-construction of meaning*) melalui pertukaran idea antara pensyarah dan pelajar (Gray, 2019; Woo & Reeves, 2007). Proses ini turut diperkukuhkan dalam Pendidikan Islam melalui bimbingan guru supaya dialog bukan hanya menghasilkan pemahaman malah harus membentuk kesedaran serta tanggungjawab terhadap ilmu. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian pedagogi dialogic lebih menumpukan pembinaan makna melalui komunikasi dan kolaborasi tanpa menghuraikan secara menyeluruh hubungan antara dialog, refleksi sendiri dan pembentukan nilai sebagai satu mekanisme pedagogi yang disepadukan (Bond et al., 2020; Vuorenmaa et al., 2025). Situasi ini menunjukkan bahawa konsep *hiwar* masih mempunyai ruang untuk diteroka melalui integrasi elemen refleksi dan orientasi nilai bagi menjelaskan pembentukan interaksi bermakna dalam amalan PdP Pendidikan Islam.

Refleksi Pedagogi

Konsep interaksi dialogik telah diperluas melalui kerangka *dialogik engagement* yang menekankan peranan komunikasi reflektif, soaljawab interaktif dan huraian nilai sebagai mekanisme utama pembelajaran bermakna (Eka, 2025). Kajian Eka (2025) menunjukkan interaksi dialogik yang bersifat reflektif mampu meningkatkan keupayaan pelajar dalam memahami dan menerapkan nilai melalui proses pemikiran kritis, empati dan kesedaran etika. Begitu juga pendekatan ini mampu meningkatkan penglibatan pelajar serta menggalakkan pemikiran kritis dan kolaboratif dalam pembelajaran (Chen et al., 2023; Vuorenmaa et al., 2025). Malah, dialog reflektif yang melibatkan penerokaan dan penghujahan yang terbuka menyumbang kepada memahami pembelajaran dengan lebih mendalam berbanding hafalan (Eka, 2025; Woo & Reeves, 2007). Namun demikian, kebanyakan kajian dalam kerangka dialogik masih menumpukan aspek komunikasi dan memerlukan tafsiran semula dalam kerangka Islam.

Elemen refleksi dilihat sebagai komponen yang penting dalam memperkukuh interaksi bermakna dalam PdP Pendidikan Islam yang menekankan kesedaran sendiri (muhasabah) dan pembinaan hikmah (Purwanto et al., 2023). Amalan reflektif membolehkan pensyarah dan pelajar menilai pengalaman pembelajaran, mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta membina pemahaman baharu terhadap sesuatu ilmu. Namun demikian, refleksi bukan sekadar proses kognitif tetapi turut melibatkan dimensi spiritual dan nilai yang mendorong transformasi dalaman individu. Malah kajian lepas menunjukkan bahawa amalan refleksi dalam PdP terhad kepada elemen dalam pengurusan kuliah dan strategi penyampaian tanpa memberi penekanan

kepada integrasi nilai dan pembentukan akhlak (Bond et al., 2020; De Bruijn-Smolters & Prinsen, 2024).

Nilai dan Pembentukan Adab dalam Hiwar

Dimensi nilai dan pembentukan akhlak adalah elemen yang membezakan interaksi dalam pendidikan Islam daripada pendekatan pedagogi moden (Afridah et al., 2026). Pendidikan Islam menekankan bahawa interaksi PdP perlu berfungsi sebagai medium pembentukan adab dengan memperoleh ilmu dan membina kesedaran spiritual (Putra et al., 2023; Afridah et al., 2026). Malah interaksi yang berasaskan nilai melibatkan unsur hikmah, *qudwah* dan refleksi yang membentuk keperibadian pelajar (Marwan et al., 2025). Namun demikian kajian lepas masih memisahkan aspek nilai daripada strategi pengajaran tanpa menitikberatkan interaksi yang berbentuk reflektif, *qudwah* dan nasihat.

Secara keseluruhannya, walaupun kajian terdahulu membincangkan interaksi dialogik, refleksi dan pembinaan nilai sebagai elemen penting dalam pembelajaran namun perbincangan masih bersifat terpisah dari satu kerangka yang menyeluruh. Kajian tentang *hiwar* lebih bertumpu kepada asas perbualan tanpa mengadaptasi konteks pedagogi semasa (Alwan & Izzati, 2024; Aswan et al., 2024). Manakala kajian dialogik pula menekankan aspek komunikasi tanpa asas nilai dan adab dalam memberi maklum balas, memberi pandangan dan memberi reaksi dalam komunikasi (Bond et al., 2020; Eka, 2025). Begitu juga kajian refleksi yang tertumpu kepada aspek kognitif tanpa kesedaran spiritual dan pembentukan adab (Purwanto et al., 2023; Kostiainen & Pöysä-Tarhonen, 2025). Jurang ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan satu kerangka pedagogi yang menyepadukan *hiwar*, refleksi dan nilai dalam satu konsep sebagai *hiwar* reflektif dalam PdP interaktif Pendidikan Islam.

Perbincangan

Hiwar Reflektif sebagai Konstruk Pedagogi PdP Interaktif Pendidikan Islam

Artikel ini menghujahkan bahawa konsep *hiwar*, refleksi dan pembentukan nilai tidak seharusnya difahami secara terpisah dalam pedagogi Pendidikan Islam. Sebaliknya tiga elemen tersebut saling melengkapi dalam membentuk satu konstruk pedagogi iaitu *hiwar* reflektif. Hujah ini selari dengan pandangan al Nahlawi yang menjelaskan bahawa *hiwar* sebagai medium dialog yang membimbing pembinaan ilmu melalui penyoalan dan penghujahan malah pembelajaran reflektif turut menekankan proses muhasabah dalam membentuk kefahaman (Purwanto et al., 2023; Alwan & Izzati, 2024; Kostiainen & Pöysä-Tarhonen, 2025). Selain itu, pendidikan berasaskan nilai telah melihat penghayatan adab dan akhlak sebagai matlamat utama pembelajaran (Putra et al., 2023; Marwan et al., 2025). Walau bagaimanapun, interaksi dalam pengajaran sering ditafsir sebagai proses komunikasi, aktiviti refleksi atau penerapan nilai secara terpisah tanpa menghuraikan hubungan ketiga-tiga elemen dengan konstruk yang jelas dalam satu kerangka pedagogi yang menyeluruh (De Bruijn-Smolters & Prinsen, 2024; Eka, 2025). Hal ini menunjukkan bahawa literatur semasa masih belum menjelaskan bagaimana dialog, refleksi dan nilai saling berinteraksi dalam pembentukan interaksi bermakna khususnya Pendidikan Islam.

Sehubungan itu, artikel ini mencadangkan satu konstruk pedagogi yang dikonsepkan sebagai *hiwar* reflektif iaitu integrasi dialog pendidikan yang mempunyai pertukaran idea secara aktif, refleksi sendiri dan pembentukan nilai dalam satu pengalaman pembelajaran. Maka, dalam

konteks pengajaran interaktif Pendidikan Islam *hiwar* reflektif merujuk kepada interaksi yang dirancang secara sistematis bagi mendorong pelajar menyoal, berfikir, menilai dan menghubungkan kait ilmu dengan realiti kehidupan. Konstruk ini berasaskan konsep *hiwar* yang dikemukakan oleh al-Nahlawi (1989), iaitu dialog sebagai metod pendidikan yang menggerakkan akal, emosi dan jiwa melalui aktiviti pertanyaan, penghujahan dan renungan terhadap fakta dan kebenaran (Alwan & Izzati, 2024). Tambahan pula, konstruk ini turut mengukuhkan kajian yang berkaitan pembelajaran reflektif yang menunjukkan bahawa refleksi membolehkan pelajar mentafsir pengamalan, membina kefahaman dan mengembangkan pandangan serta perspektif baharu terhadap suatu konsep ilmu (Kostiainen & Pöysä-Tarhonen, 2025; Purwanto et al., 2023). Penyepaduan kedua asas tersebut diperkaya dengan dimensi nilai yang menekankan ke arah penghayatan hikmah, adab dan tanggungjawab sosial selari dengan matlamat pendidikan untuk pembentukan insan beradab (Marwan et al., 2025; Putra et al., 2023).

Analisis literatur menunjukkan bahawa konstruk *hiwar* reflektif diuraikan melalui tiga dimensi iaitu dialogik, reflektif dan nilai. Ketiga-tiga dimensi ini saling melengkapi bagi membentuk interaksi bermakna dalam PdP Pendidikan Islam. Proses soal jawab, perbincangan dan penghujahan membolehkan pelajar meneroka idea dan membina kefahaman secara kolaboratif merujuk kepada dimensi dialogik (Woo & Reeves, 2007; Vuorenmaa et al., 2025). Manakala, dimensi reflektif ialah proses muhasabah dan penilaian sendiri yang membantu pelajar mentafsir pengalaman pembelajaran, menghubungkan pengetahuan dengan realiti kehidupan dan membentuk kesedaran diri (Purwanto et al., 2023; Kostiainen & Pöysä-Tarhonen, 2025). Manakala dimensi nilai menekankan penghayatan ilmu seperti hikmah, adab dan akhlak yang menjadikan pembelajaran membawa kepada transformasi diri dan pembentukan karakter (Putra et al., 2023; Afridah et al., 2026). Oleh itu, fungsi dimensi ini berlaku saling memperkuat antara satu sama lain sehingga mewujudkan interaksi yang bersifat *hiwar* reflektif lebih mendalam, terarah dan bermakna dalam PdP Pendidikan Islam.

Implikasi daripada konstruk yang dicadangkan menunjukkan bahawa *hiwar* reflektif sebagai dapat berfungsi kerangka pedagogi yang menjelaskan bagaimana interaksi boleh direka bentuk secara berstruktur dan sistematis. Aktiviti seperti soal jawab terbuka, sumbang saran berasaskan isu, dialog tentang dilema nilai dan refleksi sendiri bukan hanya meningkatkan penguasaan kandungan pembelajaran. Malah, aktiviti ini memberi impak terhadap kepercayaan, sikap dan amalan harian pelajar (Martin et al., 2022; De Bruijn-Smolters & Prinsen, 2024). Hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran interaktif bukan sekadar bergantung pada kekerapan interaksi tetapi keupayaan pensyarah menghubungkan dialog, pemikiran, emosi dan nilai dalam satu pengalaman pembelajaran yang holistik. Justeru, *hiwar* reflektif berpotensi menjadi mekanisme pedagogi yang mengimbangi penglibatan aktif dengan tujuan dan matlamat ke arah pembentukan insan.


Secara keseluruhannya, artikel ini menegaskan bahawa konstruk *hiwar* reflektif menawarkan perspektif baharu dalam memahami interaksi dalam pengajaran interaktif Pendidikan Islam. Hal ini berbeza daripada pendekatan pedagogi moden yang menekankan komunikasi dan penglibatan aktif. Selain itu, konstruk ini menegaskan bahawa pembinaan kefahaman, kesedaran diri dan penghayatan adab harus berlaku secara serentak untuk memberi kesan terhadap pembelajaran. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa interaksi bermakna bukan hanya menghasilkan penyertaan pelajar secara aktif tetapi turut membentuk pemikiran yang kritis, penghayatan nilai dan pembinaan insan beradab. Oleh itu, penyepaduan konsep *hiwar* dalam Pendidikan Islam, pembelajaran reflektif dan orientasi nilai berasaskan *ta'dib* berpotensi

menjadi asas untuk memperkaya amalan pedagogi dan pengajaran interaktif Pendidikan Islam yang dinamik.

Cadangan Kerangka Hiwar Reflektif dalam Amalan PdP Interaktif Pendidikan Islam

Kerangka *hiwar* reflektif yang dicadangkan dalam artikel ini dibangunkan bagi menjelaskan bagaimana interaksi bermakna dapat dibentuk secara tersusun dalam amalan PdP interaktif Pendidikan Islam. Kerangka ini memperlihatkan bahawa interaksi tidak hanya difahami sekadar proses komunikasi tetapi sebagai mekanisme pedagogi yang memahami interaksi sebagai proses yang membina makna, kesedaran sendiri dan pembinaan adab secara bersepadu. Tambahan pula, hujah ini selari dengan kajian lepas yang menghubungkan keberkesanan pengajaran dengan tahap penglibatan, penggunaan teknologi dan pelaksanaan aktiviti kolaboratif dan pedagogi interaktif. (Bond et al., 2020; De Bruijn-Smolters & Prinsen, 2024; Kahu & Nelson, 2018). Walaupun bagaimanapun, kebanyakan kajian cenderung menumpukan keberkesanan interaksi dari sudut tingkah laku dan kognitif, namun masih kurang diberi perhatian bagi dimensi refleksi dan orientasi nilai (Khlaif et al., 2021; Vuorenmaa et al., 2025). Perbezaan ini berlaku kerana kajian pedagogi moden memberi penekanan kepada pencapaian pelajar dan penglibatan pelajar melalui strategi dialogik serta kolaboratif berbanding pembentukan nilai sebagai matlamat utama pembelajaran. (Kahu & Nelson, 2018; Bond et al., 2020). Malah, pedagogi Pendidikan Islam pula meneliti interaksi sebagai proses tarbiyah yang membentuk kesedaran, adab dan tanggungjawab terhadap ilmu (Putra et al., 2023; Marwan et al., 2025). Oleh itu, kerangka *hiwar* reflektif yang dicadangkan berpotensi memperluaskan pemahaman terhadap interaksi pedagogi dengan menyepadukan dialog, refleksi dan nilai sebagai asas pembentukan interaksi bermakna.

Artikel ini mencadangkan bahawa *hiwar* reflektif berfungsi sebagai konstruk konseptual yang menyepadukan tiga dimensi utama, iaitu dialogik, reflektif dan nilai. Konstruk ini dibangunkan bagi menunjukkan bahawa interaksi bermakna tidak bergantung kepada satu dimensi secara terpisah. Malah, ianya terbentuk melalui hubungan dinamik antara dialog, refleksi dan pembentukan nilai. Dimensi dialogik menekankan aspek soal jawab yang bersifat dinamik bagi membolehkan pelajar berkolaborasi serta membina kefahaman secara bersama (Woo & Reeves, 2007; Chen et al., 2023). Selain itu, muhasabah, tafakkur dan analisis pengalaman pembelajaran turut membantu dimensi reflektif untuk pelajar menafsir semula kefahaman (Purwanto et al., 2023; Kostiainen & Pöysä-Tarhonen, 2025; Mu'in & Sukari, 2025). Manakala, dimensi nilai menekankan penghayatan hikmah, adab dan bertanggungjawab dalam ilmu yang dipelajari ke arah transformasi diri dan pembentukan insan beradab (Putra et al., 2023; Afridah et al., 2026; Marwan et al., 2025). Hal ini berbeza dengan kebanyakan kerangka pedagogi yang menghuraikan dimensi komunikasi, refleksi dan nilai di mana konstruk *hiwar* reflektif menghubungkan ketiga-tiga dimensi dalam satu proses PdP yang saling melengkapi. Walau bagaimanapun, penyepaduan ketiga dimensi ini penting kerana proses pembentukan makna dalam Pendidikan Islam bukan hanya melalui komunikasi atau refleksi tetapi perlu diteliti penghayatan nilai yang dibimbing untuk menghubungkan ilmu dan tindakan. Oleh itu, dimensi yang disepadukan ini memperlihatkan bahawa interaksi yang berkualiti bukan hanya meningkatkan pemahaman malah turut membentuk orientasi nilai dan makna terhadap ilmu yang dipelajari.



Rajah 1: Kerangka Konseptual *Hiwar* Reflektif dan Proses Interaksi Bermakna dalam Amalan PdP Interaktif

Rajah 1 menggambarkan bagaimana kerangka *hiwar* reflektif berfungsi sebagai mekanisme pedagogi yang menghubungkan dialog pedagogi, refleksi dan pembentukan adab dalam menghasilkan interaksi bermakna. Kerangka ini memperlihatkan bahawa pembentukan interaksi bermakna tidak berlaku secara spontan. Namun berkembang melalui proses dialog yang mengaktifkan refleksi sebelum diterjemah kepada pembentukan nilai dan adab. Teknik seperti soal jawab hikmah, scaffolding dan maklumbalas reflektif berfungsi sebagai mekanisme pedagogi yang memberikan peluang kepada pelajar menyoal, berhujah dan menilai pengalaman pembelajaran (Martin et al., 2022; Aswan et al., 2024). Hal ini penting kerana proses refleksi membolehkan pelajar menghubungkan pengetahuan dengan pengalaman hidup, sekali gus membentuk kesedaran terhadap implikasi sesuatu keputusan sebelum diterjemahkan kepada tindakan. Proses ini turut membantu pelajar membina jati diri dan profesionalisme dalam menghubungkan ilmu dengan realiti kehidupan. Malah, pelajar turut memahami implikasi nilai terhadap setiap tindakan yang diputuskan (Purwanto et al., 2023; Mu'in & Sukari, 2025). Oleh itu, kerangka ini menghujahkan bahawa keberkesanan pengajaran interaktif tidak hanya diukur melalui penglibatan aktif pelajar tetapi keupayaan membimbing pelajar daripada proses dialog.

Implementasi Kerangka *Hiwar* Reflektif dalam Amalan PdP

Kerangka *hiwar* reflektif pada rajah 1 turut mencadangkan fasa pedagogi yang terdiri daripada tiga fasa yang sistematik iaitu pra dialog, semasa dialog dan pasca dialog. Pada peringkat permulaan, iaitu pra dialog pensyarah harus merancang isu semasa, dalil, kes dan soalan pencetus atau stimulus yang selari dengan pengalaman pelajar. Malah, semasa dialog pensyarah cuba mengembangkan soalan atau memudahcara soal jawab dengan membentuk penghujahan dan membentuk perbincangan. Setiap perbincangan di sertai dengan hikmah dan adab berkomunikasi agar pelajar tidak terbawa emosi atau konflik dalam perbincangan. Kemudian selepas dialog, pelajar menjalankan refleksi sendiri melalui catatan muhasabah, jurnal atau rumusan bagi tindakan yang boleh dipraktik. Pendekatan berfasa ini menunjukkan bahawa pembentukan interaksi bermakna memerlukan perancangan, pelaksanaan dan refleksi yang berlaku secara berterusan. Hujah ini selari dengan prinsip pedagogi bertahap yang ditekankan oleh Ibn Khaldun (1958) untuk perkembangan kefahaman yang sehati dalam diri pelajar secara beransur-ansur melalui proses pembelajaran yang tersusun. Hal ini penting kerana proses pembentukan makna dan adab memerlukan ruang untuk pelajar menghubungkan pengalaman pembelajaran dengan refleksi sendiri. Oleh itu, kerangka berfasa ini memperkukuh hujah bahawa interaksi bermakna dalam Pendidikan Islam perlu dibangunkan

secara sistematis agar pembelajaran lebih bersifat reflektif dan berkesan kepada pembentukan insan (Purwanto et al., 2023; Kostianen & Pöysä-Tarhonen, 2025).

Implikasi terhadap Pembangunan Profesional Pensyarah

Implikasi *hiwar* reflektif adalah penting dalam pembangunan profesional pensyarah Pendidikan Islam terutamanya pedagogi. Hal ini menunjukkan bahawa Pensyarah bukan dilihat sebagai penyampai kandungan tetapi diiktiraf sebagai muaddib yang membimbing dialog dengan hikmah, memudah cara refleksi dan membentuk orientasi nilai pelajar. Malah, pensyarah juga menjadi pendengar kepada respon pelajar dengan empati dan responsif. Keupayaan membina soalan reflektif, mengurus maklumbalas bermakna dan mewujudkan suasana pembelajaran yang selamat menjadi kompetensi yang membezakan pengajaran interaktif biasa dan pengajaran yang berupaya menghasilkan makna (Martin et al., 2022; Eka, 2025). Justeru, kerangka ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan teori pedagogi Pendidikan Islam, malah menyediakan asas praktikal untuk pembangunan modul latihan, panduan pedagogi dan program peningkatan profesional Pensyarah Pendidikan Islam.

Implikasi terhadap Pembelajaran Hibrid dan Digital

Pembelajaran hibrid dan digital yang berkembang dari semasa ke semasa memberi kesan kepada *hiwar* reflektif. Malah, teknologi kini harus dipandu agar tujuan pedagogi serta matlamat pembelajaran bermakna menjadi lebih jelas. Walaupun LMS, forum dalam talian dan bilik perbincangan maya menyediakan peluang yang luas untuk interaksi, kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi yang tidak disertai dengan reka bentuk dialog yang efisien cenderung membentuk permukaan pembelajaran tanpa membantu menggerakkan pemikiran pelajar (Bond et al., 2020; Khlaif et al., 2021). Sebaliknya, apabila teknologi yang digunakan untuk menyokong dialog, refleksi dan penerapan nilai, ia berupaya memperkukuh kualiti interaksi dan mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna (Aswan et al., 2024; Mu'in & Sukari, 2025). Hal ini menegaskan bahawa teknologi dalam Pendidikan Islam perlu berfungsi sebagai pengukuhan pedagogi tarbawi bukan hanya alat untuk menyampaikan maklumat. Maka, keberkesanan teknologi dalam Pendidikan Islam tidak ditentukan oleh kecanggihan platform yang digunakan tetapi oleh reka bentuk pedagogi yang menggerakkan dialog, refleksi dan pembentukan nilai.

Secara keseluruhannya, artikel ini menghujahkan bahawa *hiwar* reflektif berpotensi menjadi satu konstruk pedagogi yang memperkukuh pemahaman terhadap interaksi bermakna dalam Pendidikan Islam melalui penyepaduan dialog, refleksi dan nilai dalam satu kerangka yang holistik. Hal ini berbeza dengan pendekatan yang menilai interaksi berdasarkan tahap penglibatan atau komunikasi semata-mata malah konstruk ini menegaskan bahawa pembentukan makna hanya berlaku apabila dialog, refleksi dan nilai berfungsi dengan melengkapkan antara satu sama lain. Oleh itu kerangka ini bukan hanya menyumbang kepada konsep interaksi bermakna dalam Pendidikan Islam malah menyediakan asas yang praktikal kepada pensyarah untuk mereka bentuk pengajaran yang lebih reflektif, dialogik dan berorientasikan pembentukan insan. Justeru, kerangka *hiwar* reflektif yang dicadangkan berpotensi menjadi asas kepada penyelidikan empirikal pada masa hadapan serta menyokong pembangunan amalan terbaik dalam amalan PdP interaktif Pendidikan Islam yang selari dengan matlamat pembentukan insan beradab.

Penutup

Artikel ini menunjukkan bahawa interaksi dalam PdP interaktif Pendidikan Islam tidak seharusnya difahami hanya pertukaran maklumat dan penyertaan pelajar semata mata. Ia merupakan proses pedagogi tarbawi yang menghubungkan dialog, refleksi dan pembentukan nilai yang diintegrasikan. Sintesis literatur dari artikel ini menghujahkan bahawa *hiwar* reflektif merupakan satu konstruk pedagogi yang menyepadukan dialog berhikmah, refleksi sebagai muhasabah dan tafakkur serta orientasi nilai sebagai asas pembentukan adab dan makna pembelajaran. Sumbangan artikel ini turut memperkenalkan satu kerangka konseptual yang mengintegrasikan pemikiran Abdurahman al-Nahlawi, Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Ibn Khaldun bagi menjelaskan pembentukan interaksi bermakna dalam PdP interaktif Pendidikan Islam dalam konteks semasa. Di samping menyumbang kepada pengembangan wacana pedagogi Pendidikan Islam, kerangka ini turut menyediakan asas kepada penyelidikan empirikal serta pembangunan modul latihan dan amalan baik pensyarah Pendidikan Islam dalam konteks IPT dan TVET

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada [Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak] atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Selain itu, Kementerian Pendidikan Tinggi yang memberikan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Nur Afifah dan Ahmad Firdaus] bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Mohd Zahirwan Halim dan Mohd Nasir] mengendalikan semakan dan tafsiran dapatan kajian. [Nur Afifah dan Wan Norina] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan..

Rujukan

- Afridah, N., Ahmad, S., & Zainal Efendi, H. (2026). The implementation of islamic education in developing teachers' character: a qualitative study of islamic education teachers at SMP negeri 2 Padang Sidempuan. *Multidisciplinary Indonesian Center Journal (MICJO)*, 3(1), 816–822. <https://doi.org/10.62567/micjo.v3i1.1892>
- al-Nahlawi (1989). *Prinsip Prinsip dan Metoda Pendidikan Islam* (Prof.Dr.H.M.D Dahlan & Dr.H.M.I Soelaeman, Eds.). CV.Diponegoro Bandung.
- Alwan, M., & Izzati, H. (2024). Dialog sebagai metode pembelajaran; Studi Kitab al-Tarbiyah bi al-*hiwar* karya Abdurrahman an-Nahlawi. *El-Tsaqafah : Jurnal Jurusan PBA*, 22(2), 209–230. <https://doi.org/10.20414/tsaqafah.v22i2.7313>
- Aswan, A., Mukti, Abd., & Ritonga, A. A. (2024). Rediscovering the *Hiwar* Method: Revitalizing An-Nahlawi's Dialogue Approach in Contemporary Islamic Education. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, 16(4). <https://doi.org/10.35445/alishlah.v16i4.6366>
- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1997). Writing Narrative Literature Reviews. *Review of General Psychology*, 1(3), 311–320.
- Bond, M., Buntins, K., Bedenlier, S., Zawacki-Richter, O., & Kerres, M. (2020). Mapping research in student engagement and educational technology in higher education: a systematic evidence map. In *International Journal of Educational Technology in Higher Education* (Vol. 17, Number 1). Springer. <https://doi.org/10.1186/s41239-019-0176-8>
- Chen, M. H., Agrawal, S., Lin, S. M., & Liang, W. L. (2023). Learning communities, social media, and learning performance: Transactive memory system perspective. *Computers and Education*, 203. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2023.104845>
- De Bruijn-Smolters, M., & Prinsen, F. R. (2024). Effective student engagement with blended learning: A systematic review. *Heliyon*, 10(23). <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2024.e39439>
- Eka, M. (2025). Reconceptualizing Communication for Moral Education in Islam through Dialogic Engagement. *Feedback International Journal of Communication*, 2(2), 107–115. <https://doi.org/10.62569/fijc.v2i2.179>
- Ibn Khaldun. (1958). *The Muqaddimah an introduction to history* (F. Rosenthal, Tran.). Routledge.
- Kahu, E. R., & Nelson, K. (2018). Student engagement in the educational interface: understanding the mechanisms of student success. *Higher Education Research and Development*, 37(1), 58–71. <https://doi.org/10.1080/07294360.2017.1344197>
- Khlaif, Z. N., Salha, S., & Kouraichi, B. (2021). Emergency remote learning during COVID-19 crisis: Students' engagement. In *Education and Information Technologies* (Vol. 26, Number 6, pp. 7033–7055). Springer. <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10566-4>
- Kostiainen, E., & Pöysä-Tarhonen, J. (2025). Meaningful learning over the course of teacher education: Students' reflections. *Teaching and Teacher Education*, 168(April). <https://doi.org/10.1016/j.tate.2025.105241>
- Martin, F., Sun, T., Westine, C. D., & Ritzhaupt, A. D. (2022). Examining research on the impact of distance and online learning: A second-order meta-analysis study. *Educational Research Review*, 36. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2022.100438>
- Marwan, M., Hasbullah, B., Rahayu, I., Wakhudin, W., & Saputra, D. G. (2025). The Role of Character Education in Building Ethics and Morality among Students in the Digital Age. *International Journal of Educational Research Excellence (IJERE)*, 4(1), 33–39. <https://doi.org/10.55299/ijere.v4i1.1224>

- Mu'in, A., & Sukari. (2025). Beyond Technical Efficiency: Integrating Islamic Reflective Pedagogy into Digital Learning Design. *Assyfa Journal of Islamic Studies*, 3(1), 97–120. <https://doi.org/10.6160/ajis.v3i1.616>
- Purwanto, Y., Saepudin, A., & Sofaussamawati. (2023). The development of reflective practices for Islamic religious education teachers. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1), 107–122. <https://doi.org/10.15575/jpi.v0i0.24155>
- Putra, P., Mawazi, M., & Hifza, H. (2023). Analysis of Adab Education According to Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *International Research-Based Education Journal*, 5(1), 140. <https://doi.org/10.17977/um043v5i1p140-148>
- Snyder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104, 333–339. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.07.039>
- Vuorenmaa, E., Nguyen, A., & Järvelä, S. (2025). How do social interaction and group-level regulation shape task perceptions in collaborative learning task? *Scandinavian Journal of Educational Research*, 69(6), 1190–1206. <https://doi.org/10.1080/00313831.2024.2394409>
- Woo, Y., & Reeves, T. C. (2007). Meaningful interaction in web-based learning: A social constructivist interpretation. *Internet and Higher Education*, 10(1), 15–25. <https://doi.org/10.1016/j.iheduc.2006.10.005>